PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
~~**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**~~ **KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Fax : +603-8888 6680
Website : http://www.moe.gov.my/

KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld.5 (28)
30 Januari 2014

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2014

PELAKSANAAN MATA PELAJARAN SEJARAH KSSR TAHAP II MULAI TAHUN 2014

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Tuan/Puan, mata pelajaran Sejarah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mula diperkenalkan kepada murid-murid Tahap II sekolah rendah mulai tahun 2014. Masa yang diperuntukkan bagi mata pelajaran ini ialah dua waktu atau 60 minit seminggu.

3. Sehubungan dengan itu, mata pelajaran Kajian Tempatan dan Pendidikan Sivik & Kewarganegaraan akan digantikan secara berperingkat mulai Januari tahun 2014 seperti berikut:

Murid / Tahun	Tahun 4	Tahun 5	Tahun 6
Tahun 2014	Sejarah	Kajian Tempatan dan Pendidikan Sivik & Kewarganegaraan	Kajian Tempatan dan Pendidikan Sivik & Kewarganegaraan
Tahun 2015	Sejarah	Sejarah	Kajian Tempatan dan Pendidikan Sivik & Kewarganegaraan
Tahun 2016 dan seterusnya	Sejarah	Sejarah	Sejarah

4. Surat siaran ini hendaklah dibaca bersama **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2 Tahun 2013: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahap II Secara Berperingkat-peringkat Mulai Tahun 2014 bertarikh 16 Disember 2013.**

5. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini, Mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Mata Pelajaran Sejarah Bil. 5/2013 bertarikh 21 Oktober 2013 telah memutuskan bahawa guru yang mengajarkan mata pelajaran Sejarah KSSR Tahun Tahap II hendaklah dalam kalangan guru yang memenuhi **kriteria mengikut keutamaan** seperti berikut:

i. Guru opsyen Sejarah/ Kajian Tempatan/ Kajian Sosial/ Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan atau kelayakan ikhtisas yang berkaitan;

ii. Guru bukan opsyen yang berpengalaman sekurang-kurangnya tiga tahun mengajarkan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan /Kajian Tempatan;

iii. Guru opsyen dan bukan opsyen yang telah mendapat pendedahan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) mata pelajaran Sejarah KSSR Tahun 4; atau

iv. Guru yang mendapat keputusan sekurang-kurangnya kepujian bagi mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

6. Pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan dipohon mengambil tindakan sewajarnya dan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Guru Besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

DATO' HAJI SUFA'AT BIN TUMIN
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k. ;

1. Setiausaha Sulit Kanan kepada
   YAB Menteri Pendidikan Malaysia

2. Setiausaha Sulit Kanan kepada
   YAB Menteri Pendidikan Malaysia II

3. Setiausaha Sulit Kanan kepada
   YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia I

4. Setiausaha Sulit Kanan kepada
   YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia II

5. Ketua Setiausaha
   Kementerian Pendidikan Malaysia

6. Ketua Setiausaha II
   Kementerian Pendidikan Malaysia

7. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

8. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
   Kementerian Pendidikan Malaysia

9. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
   (Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
   Kementerian Pendidikan Malaysia

10. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
    (Profesionalisme Keguruan)
    Kementerian Pendidikan Malaysia

11. Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia
    Kementerian Pendidikan Malaysia

12. Ketua Nazir
    Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti

13. Pengarah-Pengarah Bahagian
    Kementerian Pendidikan Malaysia

14. Penasihat Undang-Undang
    Kementerian Pendidikan Malaysia

15. Pegawai Perhubungan Awam
    Kementerian Pendidikan Malaysia